

Cara tangani murtad menurut perspektif hukum Islam

Oleh Rosmawati Ismail

GEJALA murtad adalah antara isu yang disifatkan sebagai sangat sensitif kepada masyarakat Islam khususnya di negara ini. Orang Islam yang murtad dianggap melakukan jenayah dan dosa besar terhadap agama Allah dan umat Islam.

Murtad yang membawa kekufuran boleh berlaku kerana iktikad di dalam hati, pengucapan dan juga amalan yang dilakukannya. Jenayah ini jelas termaktub bahawa tiada keampunan di sisi Allah SWT melainkan pelakunya bertaubat nasuha.

Meskipun tidak ada statistik

tepat mengenai jumlah sebenar orang Islam yang murtad di Malaysia, namun berdasarkan kes dilaporkan media massa dan yang diputuskan Mahkamah Syariah, gejala ini sememangnya adalah sesuatu yang serius dan perlu diberikan perhatian.

Usaha golongan bukan Islam yang tampil membela dan memperjuangkan hak-hak golongan murtad ini atas dasar kebebasan asasi secara jelas memberi isyarat bahawa kedudukan Islam dan umat kini semakin tercabar.

Melalui saluran perundangan, golongan ini cuba memanfaatkan ruang dan peluang yang ada, meskipun tindakan mereka itu dili-

hat sebagai mencampuri urusan agama Islam dan hal ehwal masyarakat Muslim.

Gejala ini jika tidak ditangani dengan sewajarnya akan pasti membawa kepada pelbagai implikasi negatif kepada perkembangan Islam dan keharmonian masyarakat di Malaysia.

Islam sangat bertegas di dalam perihal murtad ini, sehingga Muslim yang murtad boleh mengakibatkan mereka ditegah daripada menggunakan hartanya sendiri melainkan keperluan mendesak, tidak boleh mewarisi sebarang harta pusaka dan terputus ikatan perkahwinannya.

Sama ada kita ambil peduli

mahupun tidak, kita mengetahui kebelakangan ini negara kita sering dihangatkan dengan pelbagai kes murtad. Ia adalah ancaman baru kepada umat Islam di negara ini.

Harus diingat, ulama bersepakat murtad boleh berlaku sama ada melalui amalan hati (iktikad), perkataan atau perbuatan. Meskipun begitu, dalam konteks undang-undang takrif bagi kesalahan murtad hanya merangkumi perkataan dan perbuatan saja.

Hal ini disebabkan undang-undang tidak mungkin dapat membuktikan iktikad atau amalan hati seseorang yang sifatnya tersembunyi di dalam diri. Namun

kedudukan ini sama sekali tidak menafikan hukum murtad yang tetap meliputi umat Islam yang berpegang dengan iktikad salah di sisi agama Islam.

Namun secara prinsipnya, ulama bersepakat bahawa orang yang murtad sama ada lelaki atau wanita akan tetap dihukum selepas syarat yang ditetapkan dipenuhi.

Apabila seseorang itu didapati murtad, maka beberapa kesan akan berlaku ke atasnya seperti terputusnya ikatan perkahwinan, hilang hak pusaka dan sebagainya.

Penulis ialah Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).